



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“SIMPANAN PERCUMA RM50 UNTUK IBU BAPA PELAJAR TAHUN SATU”

(INSENTIF KHAS PELAJAR TAHUN 1)

1. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 yang lalu telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.**
2. **Bermula 1 Januari 2017 mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan Insentif Khas Geran Sepadan ini iaitu deposit percuma bernilai RM50. #Percuma50.**
3. **Untuk itu, peruntukan sebanyak RM25juta telah disediakan untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2juta adalah diperuntukkan kepada seramai hampir 40 ribu pelajar tahun 1 di negeri Sarawak.**
4. **Insentif khas geran sepadan RM50 ini merupakan insentif simpanan pendidikan yang amat bagus kerana menjadi pemangkin kepada ibu bapa untuk memula dan meneruskan penabungan dan seterusnya menabung secara konsisten. Ia juga dapat memberikan suntikan motivasi kepada para pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh di dalam pelajaran dan meneruskan cita-cita mereka**

sehingga ke menara gading. Amalan menabung di kalangan anak-anak perlu diterapkan seawal usia mereka.

5. Ibu bapa/ penjaga tidak perlu membuat permohonan untuk mendapatkan insentif ini. Mereka hanya perlu **membuka akaun atau membuat penambahan simpanan SSPN-i/SSPN-i Plus sekurang-kurangnya RM50 dalam tahun 2017** untuk melayakkan mereka menikmati insentif ini.
6. Pada hari ini, **seramai 800 orang pelajar menerima sumbangan berupa deposit akaun SSPN-i berjumlah RM40,000 melibatkan pelajar-pelajar Tahun 1 di sekolah bantuan penuh kerajaan dalam kawasan Dun N67 Jepak, Bintulu.** Setiap pelajar menerima **sumbangan RM50 daripada YB ADUN N67 Jepak dan RM50 tambahan akan diberikan oleh Kerajaan melalui PTPTN secara percuma.**

(SSPN-i/ SSPN-i PLUS PELAN SIMPANAN TERBAIK)

7. Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia.
8. Rakyat beragama Islam juga tidak perlu kawatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar**, tambahan pula simpanan ini **dijamin oleh Kerajaan.**
9. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif.** Jadi sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kepada ibu bapa seperti kematian atau keilangan kekal, masa depan pendidikan anak-anak akan terjamin sekiranya menyimpan dalam skim simpanan PTPTN ini kerana ia terdapat perlindungan takaful.

10. **Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus adalah pelan simpanan terbaik kerana menawarkan pelbagai keistimewaan yang boleh diibaratkan sebagai dividen masa depan dengan pelaburan yang amat rendah dan tidak membebankan. Setiap simpanan mempunyai keistimewaan dan manfaat yang berganda kepada pendeposit.**
11. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%**. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun**. Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa.
12. Simpanan pendidikan SSPN-i dan SSPN-i Plus juga membawa tuah kepada pendepositanya kerana setiap RM50 yang disimpan **secara automatik akan melayakkan mereka menyertai cabutan hadiah yang menawarkan ganjaran tunai lebih RM500,000 kepada 2,500 pemenang**.
13. **Rakyat Malaysia tidak seharusnya melepaskan peluang yang diberikan begitu sahaja dalam membuat simpanan untuk masa depan pendidikan anak-anak**. Jadi, apa yang penting adalah amalan penabungan yang berterusan atau istiqamah kerana sedikit demi sedikit, lama-lama jadi bukit.
14. **Sehingga 31 Julai 2017**, terdapat sebanyak **3.0 juta akaun** dibuka dan aktif dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.89 bilion**. Manakala bagi **Negeri Sarawak**, sehingga **31 Julai 2017**, terdapat sebanyak **156,520 akaun** dibuka dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak RM165.68 juta**.

(JOM MENABUNG BERSAMA TABUNG PENDIDIKAN)

15. Penubuhan PTPTN bermula semenjak tahun 1997 yang merupakan iltizam Kerajaan dalam menjayakan pendemokrasian pendidikan bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pengajian tinggi. Selepas hampir 20 tahun, **usaha mentransformasi PTPTN sebagai Tabung**

Pendidikan diteruskan kesinambungannya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPMPT di bawah Lonjakan Kelima dengan tujuan menjamin kemampanan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

16. Fungsi PTPTN bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai institusi penabungan pendidikan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus. PTPTN berusaha mentransformasikan minda masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan pendidikan dan perlu disambut oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.
17. PTPTN tidak dilihat sebagai pemberi pinjaman dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai **TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia**. Sekiranya ingin mengerjakan haji, ada Lembaga Tabung Haji. Sekiranya ingin ada simpanan apabila telah bersara, ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Maka, **sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda**.
18. Tahun 2017 merupakan Tahun Penabungan oleh PTPTN dan ini juga dapat membantu menjadikan menabung sebagai satu amalan. Oleh hal yang demikian keluarga khususnya **ibu bapa memainkan peranan yang amat penting** dalam memastikan penabungan ini mencapai matlamatnya. **Ibu bapa perlulah memberi inspirasi kepada anak-anak** dan mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan anak-anak yang berjaya menabung.
19. **Pihak sekolah juga memainkan peranan penting** dalam menjayakan amalan menabung kerana anak-anak kini lebih banyak menghabiskan masa di sekolah berbanding di rumah. Hal ini dapat **menjadi penggerak kepada pelajar untuk meneruskan penabungan**. Keazaman guru-guru dalam menyokong kempen penabungan ini dapat memupuk amalan menabung yang berpanjangan.
20. **Pihak media juga penting** dalam menyampaikan informasi berkaitan insentif yang diberikan khas untuk Pejar Tahun1 ini. Media juga berperanan **mewar-**

warkan kepada rakyat Malaysia berkaitan Insentif Khas Geran Sepadan PERCUMA RM50 yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.# JomMenabung.

21. Menabung sekarang untuk pendidikan masa akan datang adalah merupakan satu tindakan yang amat bijak berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman. Dengan penabungan semenjak usia yang masih awal, pastinya masa depan pendidikan akan lebih terjamin dan apabila bergraduat hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum. Layari [www.lovess\[n.com\]](http://www.lovess[n.com]).